

0732

U 8040 AAB  
MAHATHIR - KONGRES

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- ORANG MELAYU TIDAK PERLU TERLALU BANYAK MEMBUAT KONGRES BERTUJUAN MENYATUKAN BANGSA KERANA USAHA SEUMPAMA ITU SEBALIKNYA AKAN MENAMBAH KEPADA PERPECAHAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KALAU SEMUA ORANG HENDAK MENGAMJURKAN KONGRES +LAMA-LAMA IA AKAN MENJADI 10 KONGRES DAN ORANG MELAYU MAKIN BERPECAH BELAH,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASHIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PMTG) DI SINI.

BELIAU BERKATA= +SAMA JUGA SEPERTI UMNO APABILA SATU PIHAK MENDAFTARKAN UMNO ADA PULA PIHAK LAIN MENDAFTARNYA JUGA YANG BERTUJUAN KONONNYA MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU.+

KATANYA BUAT MASA INI YANG BELIAU TAHU TERDAPAT TIGA PIHAK YANG SEDANG BERUSAHA MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU -- PERTAMA UMNO, KEDUA PIHAK TENGGU RAZALEISH DAN KETIGA KUMPULAN CEMERIAWAN.

PERDANA MENTERI BERKATA MASING-MASING KONONNYA HENDAK MENUNJUKKAN KEHANDALAN UNTUK MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU. -- LAGI.  
1922MST 28 10 88

0733

U 8041 AAB  
MAHATHIR - KONGRES 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA USAHA MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU KINI DILAKSANAKAN OLEH UMNO YANG BANGGUP MEMERINA KEANGGOTAAN SEMUA ORANG MELAYU.

KATANYA SEMUA ORANG SEDAR BAHAWA UMNO MERUPAKAN PARTI MELAYU YANG TERBESAR DI NEGARA INI SEKARANG, OLEH ITU MAJARLAH MEREKA MENYERTAINYA.

PERDANA MENTERI BERKATA= +OLEH ITU SUDAH PASTI TIDAK LOSIK JIKA KUMPULAN BESAR AKAN MENYERTAI KUMPULAN KECIL.+

MENGENAI PEMILIHAN MALAYSIA MEMUDUKI KERUSI MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA MEMBUKTIKAN BAHAWA MALAYSIA DIKIRTIKIRAF DALAM ARENA POLITIK ANTARABANGSA.

BELIAU BERKATA PEMILIHAN ITU JUGA MERUPAKAN KEJAYAAN LUAR BIASA BAGI MALAYSIA TERHADAP PERANANNYA DI BB.

KATANYA MALAYSIA TELAH MENGANSIL BAHAGIAN YANG AKTIF DALAM PERBINCANGAN MENGENAI MASALAH SEPERTI KAMPUCHEA DAN ASIA BARAT DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA BERJAYA MENDAPAT SOKONGAN RAHAI KERANA SIKAPNYA YANG DIANGAP BERKECUALI DAN SEDERHANA.

BELIAU BERKATA PENDIRIAN MALAYSIA ADALAH MENYOKONG MANA-MANA PENDAPAT YANG BAIK TANPA KOMITED KEPADA MANA-MANA KUMPULAN ATAU BENUA. -- BERNAMA.

1924MST 28 10 88